

Peraturan kawal FDI penting: Dr M

ABU DHABI: Ketiadaan peraturan yang mengawal aktiviti pelabur, mungkin tidak membantu ekonomi negara yang menerima Pelaburan Langsung Asing (FDI), kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"FDI dikatakan penyumbang paling penting kepada pertumbuhan ekonomi, namun ia hanya dapat dicapai jika diuruskan dengan berhati-hari.

"Malaysia banyak memperoleh keuntungan daripada Pelaburan Langsung Asing. Tapi ini disebabkan kawalan serta peraturan negara ke atas pelaburan itu.

"Tanpa kawalan, pelaburan asing mungkin tidak menguntungkan negara," katanya pada persidangan serantau di sini, semalam.

Persidangan itu membincangkan isu yang menarik berhubung pelaburan asing dalam sektor yang tidak berkaitan dengan minyak di enam negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC).

"FDI yang tidak dikawal atau dikenakan peraturan mungkin membantu negara yang berhasrat mengukuhkan pertumbuhan ekonomi mereka. Tapi adalah penting negara itu faham bahaya yang terdedah kepada mereka," kata Dr Mahathir.

Bercakap pengalaman Malaysia dalam menarik FDI, bekas Perdana Menteri berkata, negara kini tidak lagi terlalu bergantung kepada FDI.

"Kerana Malaysia memperoleh kemahiran dalam bidang pembuatan, kami tidak lagi terlalu bergantung kepada FDI. Kami masih mahu menarik kehadiran mereka, tetapi pelaburan kami sudah menandingi kelembapan dalam aliran FDI. Kekuatan tempatan adalah penting.

"Ketika banyak negara mahukan FDI, pelabur akan lebih banyak membuat tuntutan. Akhirnya keuntungan daripada FDI menjadi semakin berkurangan," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata, sejak kebelakangan ini Malaysia terpaksa bersaing dengan China dengan kos buruhnya yang sangat rendah kepada FDI.

"Kami tidak punyai pilihan kecuali memberi tawaran lebih baik," katanya.

Dr Mahathir menggesa negara GCC mencari jalan mengurangkan pergantungan mereka kepada pekerja asing kerana blok Arab kini bergerak ke arah mempelbagaikan ekonomi berasaskan petroleumnya.

Sementara itu, mengulas kekejaman tentera Amerika Syarikat dan Britain di Iraq, Dr Mahathir berkata, tindakan mereka 'dahsyat' dan tidak berdisiplin.

Beliau menggesa Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mengutuk layanan sedemikian ke atas tahanan Iraq oleh penceroboh. - Bernama